

# UTM-UTHM hasilkan produk FGK

**JOHOR BAHRU 11 Sept.** - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya menghasilkan teknologi suntikan bahan api elektronik (EFI) yang mampu mengurangkan penggunaan petrol motosikal sehingga 30 peratus.

Usaha itu dibangunkan hasil kolaborasi sekumpulan penyelidikan daripada kedua-dua universiti diketuai Ketua Kumpulan Fokus Penyelidikan Rangkaian Kuasa Automotif UTHM, Prof. Madya Dr. Ahmad Jais Alimin dan Pengarah Pusat Kecerdikan Buatan dan Robotik UTM, Prof. Madya Ir. Dr. Hazlina Selamat.

Menurut Hazlina, teknologi berkenaan mula dibangunkan pada 2014 setelah pasukan penyelidikan itu mendapat geran MyLAB daripada Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak RM2.3 juta.

"Menerusi teknologi ini, kita berjaya menghasilkan produk *FuelGainKit* (FGK) iaitu sebuah sistem retrofit EFI bagi menggantikan sistem karburator enjin petrol dengan sistem suntikan bahan api elektronik.

"Model FGK terkini membolehkan pemasangan dibuat ke atas enjin empat lejang, berselinder tunggal dengan kapasiti 100cc hingga 125cc," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.



**AHMAD JAIS ALIMIN (kiri)** menunjukkan teknologi suntikan bahan api elektronik (EFI) yang mampu mengurangkan penggunaan petrol motosikal sehingga 30 peratus sambil diperhatikan Hazlina Selamat di UTHM, Johor Bahru, semalam.

Hazlina berkata, FGK yang dipasarkan syarikat milik UTHM, APT Touch Sdn. Bhd. sejak Jun lalu pada harga RM600 seunit mendapat sambutan menggagalkan terutama daripada syarikat dan pengedar aksesori motosikal dari dalam dan luar negara.

Katanya, sebagai promosi, produk berkenaan dijual pada harga RM400 seunit dan sejumlah 200 unit akan diagihkan secara percuma kepada golongan sasar termasuk kelab sukan dan rekreasi berkaitan motosikal.

"Setakat ini sebanyak 10 unit telah terjual kepada syarikat



**Menerusi teknologi ini, kita berjaya menghasilkan produk *FuelGainKit* (FGK) iaitu sebuah sistem retrofit EFI bagi menggantikan sistem karburator enjin petrol dengan sistem suntikan bahan api elektronik."**

**DR. HAZLINA SELAMAT**  
Pengarah Pusat Kecerdikan Buatan dan Robotik UTM

berkaitan motosikal dari dalam dan luar negara termasuk di Amerika Syarikat, Portugal, Pakistan dan Vietnam.

"Buat masa kini, kita juga sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat motosikal untuk memasang teknologi berkenaan pada motosikal mereka," katanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai FGK boleh melayari [www.fuelgainkit.com](http://www.fuelgainkit.com), emel kepada [fgk-sale@gmail.com](mailto:fgk-sale@gmail.com) atau hubungi 016-7214542 (APT Touch Sdn. Bhd.), 016-7958256 (Dr. Ahmad Jais Alimin) dan 016-7181140 (Dr. Hazlina Selamat).